

**SOALAN NO: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]  
TARIKH : 26 JULAI 2017  
SOALAN : 22**

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kerajaan akan menaik taraf Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan adakah proses pengambilalihan tanah di sebelah hospital telah selesai.

**Tuan Yang Di Pertua,**

KKM telah mengemukakan permohonan pemberimilikan tapak bersebelahan Hospital bagi tujuan parkir kenderaan awam Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan perkara ini masih dalam tindakan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum keperluan untuk menaiktaraf Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar memandangkan pertambahan beban kerja dengan pertambahan pesakit dan juga kadar penggunaan katil yang tinggi (*Bed occupancy rate* (dengan izin) mencecah 75%). Sehubungan dengan itu, KKM merancang untuk membina sebuah Pusat Rawatan Harian di hospital ini yang merangkumi perkhidmatan klinik pakar, wad rawatan harian, hemodialisis, rehabilitasi dan lain-lain yang berkaitan. Cadangan pembinaan Pusat Rawatan Harian hospital ini telah pun dikemukakan sebagai salah satu projek untuk *3<sup>rd</sup> Rolling Plan* (dengan izin), Rancangan Malaysia Kesebelas (RP3, RMKe-11) untuk mendapatkan peruntukan.

## SOALAN ( 23 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 JULAI 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]

SOALAN :

**YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan pendapatan dan kualiti hidup rakyat dapat terus ditingkatkan serta langkah bagi menangani kos sara hidup yang terus meningkat khususnya bagi golongan rendah dan sederhana.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pelbagai usaha pembangunan secara inklusif diteruskan dengan fokus diberikan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi memastikan pendapatan dapat terus ditingkatkan yang di antaranya adalah;

**PERTAMA;** Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden, di mana golongan ini digalakkan menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan, khususnya dalam bidang keusahawanan.

**KEDUA;** Meningkatkan sokongan bersepadu kepada usahawan di mana kerjasama agensi menyediakan program sokongan keusahawanan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar seperti SME Corp, TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

**KETIGA;** Membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial yang merupakan pendekatan sistematik berasaskan model koperasi

bagi menjalankan aktiviti seperti pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak dan pusat tuisyen.

**KEEMPAT;** Menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti golongan rendah dan sederhana dengan penyertaan syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan untuk memberi galakan melalui penyediaan Dana Mudahcara.

Dalam RMKe-11 juga, ada digariskan beberapa langkah Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, di antaranya adalah;

**PERTAMA;** Meningkatkan penyediaan Rumah Mampu Milik melalui pelbagai agensi, termasuklah Skim Perumahan Mampu Milik oleh Perbadanan PR1MA Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

**KEDUA;** Meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam.

**KETIGA;** Memperkenalkan Sistem Jaringan Keselamatan Sosial (SSN) yang bersepadu dan komprehensif. Satu badan penyelarasan peringkat tertinggi iaitu Majlis Perlindungan Sosial Negara telah ditubuhkan pada

28 Oktober 2016 untuk menyediakan panduan dasar bagi keseluruhan sistem perlindungan sosial, merangka strategi perlindungan sosial negara untuk merealisasikan program perlindungan sosial dan menyelaraskan pelaksanaan program-program berkaitan. Majlis Perlindungan Sosial Negara dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal serta Kumpulan Kerja bagi meneliti dan memperincikan isu-isu berkaitan perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017